

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)60

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

60. Nyatakan statistik, secara khusus, kes dan aduan gangguan seksual tempat kerja, mencabul kehormatan, rogol, kekerasan rumah tangga, pedofilia dan penderaan kanak-kanak yang telah dilaporkan mengikut setiap KADUN dari tahun ke tahun sejak tahun 2010 sehingga kini di Pulau Pinang.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

60. Berdasarkan laporan yang disediakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi data bermula tahun 2018 hingga Mei 2025 dan pecahan mengikut seluruh Negeri Pulau Pinang berkaitan Statistik jumlah kes mencabul kehormatan, kes rogol, kes keganasan rumah tangga, kes pedofilia, dan kes penderaan kanak-kanak adalah seperti berikut :

KES	JUMLAH
Kes Cabul Kehormatan	492 kes
Kes Rogol	679 kes
Kes Keganasan Rumah Tangga	2,442 kes
Kes Pedofilia	7 kes
Kes Penderaan Kanak-Kanak	326 kes

Perincian penuh berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh dari tahun 2018 hingga Mei 2025 serta Pecahan data mengikut daerah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan. Namun demikian, dimaklumkan bahawa PDRM tidak mempunyai rekod khusus berkaitan kes gangguan seksual di tempat kerja.